

09/02/1997

Perdana Menteri naik teksi air

HEBAT ... Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menaiki teksi air selepas melancarkan Kompleks Beli-Belah Mines di Sungai Besi, Kuala Lumpur, malam semalam.

Turut serta ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, yang sebelum itu melancarkan `Unity Square' di Mines Resort City.

Pelancaran kompleks beli-belah dan yayasan perpaduan itu diadakan sempena perayaan berganda Tahun Baru Cina dan Aidilfitri. Projek itu dimajukan oleh Kumpulan Syarikat Country Heights.

Kompleks beli-belah Mines, Unity Square dan Grand Canal adalah ciri-ciri utama Mines Resort City, sebuah pusat peranginan yang terletak dalam kawasan 400 hektar.

Keseluruhan projek itu akan bernilai RM2 bilion yang dibina di kawasan bekas tanah lombong yang terbesar di dunia.

(END)